

Lakukan apa saja demi bantu kewangan keluarga



BERJIMAT DEMI KELUARGA: Pasangan kembar, Mohammad Amiruddin (paling kiri) dan Nurul Sal Azfirrah (paling kanan), 19 tahun, merupakan penerima Dermasiswa Pendidikan Angkatan Karyawan Islam (AMP). Mereka bergambar bersama (kedua dari kiri) Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim, bapa, Encik Azman Mohd Salleh, 53 tahun, dan ibu, Cik Salmiah Abdul Talib, 49 tahun. - Foto AMP

2 Jun 2015

NURMAYA ALIAS

SEPASANG kembar remaja mengamalkan sikap berjimat supaya masing-masing boleh membeli keperluan sekolah.

Nurul Sal Azfirrah Azman, 19 tahun, belajar menjimatkan wang saku harian berjumlah \$5 dengan membawa bekal dari rumah dan mencari peralatan seni yang mempunyai harga paling murah.

Beliau yang bercita-cita menjadi guru seni adalah seorang penuntut diploma dalam jurusan seni halus di Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa).

Kembarnya, Mohammad Amiruddin Azman, pula meluangkan hujung minggu bekerja sambilan sebagai penolong runcit bagi menampung perbelanjaan harian serta membeli keperluan sekolah.

Beliau merupakan penuntut diploma dalam jurusan digital, filem dan televisyen di Politeknik Temasek.

Keduanya berhati-hati dalam soal perbelanjaan selepas bapa mereka, pencari nafkah tunggal, diserang penyakit glaucoma – penglihatan mata menjadik abur akibat kerosakan pada saraf optik, pada 2008.

Bapanya, Encik Azman Mohd Salleh, 53 tahun, bekas seorang pemandu terpaksa berhenti bekerja.

Pasangan kembar itu mempunyai dua lagi adik, kini berumur 17 dan Sembilan tahun.

Ibu bapanya kini merupakan tukang urut sambilan.

"Saya dan abang saya menghadapi peperiksaan Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) pada tahun itu dan ibu saya telah menerangkan kepada saya bahawa kami perlu berjimat sebab bapa saya tidak bekerja," kata Nurul Sal Azfirrah.

Amiruddin pula sedar tentang kesempitan wang yang dialami keluarganya apabila ibu bapa mereka tidak mampu membayar yuran tuisyen semasa beliau berada di peringkat menengah empat dan lima.

Namun, keadaan kewangan keluarga tidak mematah semangat pasangan kembar ini yang bertekad menceburi bidang yang mereka minati.

"Saya minat seni dan tahu saya boleh cemerlang dalam bidang ini. Jadi, saya menceburi bidang seni dengan sokongan ibu bapa saya," kata Nurul Sal Azfirrah.

Beliau juga menjual pelekat rekaannya dan melakukan karya komisyen.

Bagi Mohammad Amiruddin, sijil diploma itu adalah kunci bagi beliau mendapatkan pekerjaan mantap pada masa depan.

"Saya bermatlamat menyumbang pada kewangan keluarga dan sijil diploma ini akan menolong saya mempunyai kehidupan lebih baik," katanya.

Bagi membantu meringankan beban adik-beradik ini, mereka adalah antara 70 penerima Dermasiswa Pendidikan Angkatan Karyawan Islam (AMP) yang masing-masing menerima wang tunai bernilai \$500.

Mereka menerima derma siswa tersebut di satu majlis pengagihan Dermasiswa Pendidikan AMP pada Sabtu lalu.

Di majlis pengagihan di Auditorium AMP itu, dermasiswa berjumlah melebihi \$195,000 diagihkan kepada pelajar diploma sepenuh masa dari Maktab Seni Lasalle dan Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa), serta mahasiswa separuh dan sepenuh masa dari institusi pendidikan setempat dan swasta yang diiktiraf di Singapura.

Pelajar diploma telah menerima wang tunai bernilai \$500 dan pelajar ijazah menerima wang tunai bernilai \$1,000.

Setiausaha Parlimen Kesihatan merangkap Pengangkutan, Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim, diundang sebagai tetamu terhormat di majlis itu.

Dermasiswa yang diterima itu berguna dalam perbelanjaan keperluan peralatan seni bagi Nurul Sal Azfirrah dan keperluan projek sekolah bagi Mohammad Amiruddin yang boleh mencecah melebihi \$200.

"Saya mahu simpan wang tunai \$500 ini buat projek tahun akhir saya supaya saya boleh menghasilkan satu karya filem bermutu," kata Mohammad Amiruddin.